

# PENGIKTIRAFAN HUFFAZ DI MALAYSIA: SATU CADANGAN<sup>1</sup>

Dr. Nordin Bin Ahmad<sup>2</sup>

## ABSTRAK

*Kebelakangan ini program pengajian tahfiz di negara ini berkembang dengan pesat lantaran timbulnya kesedaran masyarakat Islam terhadap kepentingan hidup beragama dan pengajian tahfiz menjadi salah satu platform untuk masyarakat menterjemahkan kesedaran Islam mereka. Situasi ini menyumbang kepada pertumbuhan pesat institusi tahfiz di negara ini. Dalam masa yang sama, kebanjiran pusat-pusat pengajian tahfiz ini turut mengundang pelbagai isu dan permasalahan yang memberi kesan dan akibat kepada ketidakselarasan dalam pentadbiran, kurikulum, tempoh pengajian, penarafan sijil dan sebagainya. Kepelbagaian dan ketidakselarasan ini menyukarkan agensi berkaitan membuat perakuan pengiktirafan terhadap institusi tahfiz dan para huffaz untuk diterima pakai sebagai satu standard jaminan kualiti dalam arus pendidikan di negara ini. Kertas ini membincangkan beberapa cadangan berkaitan penubuhan badan pengiktirafan tahfiz, mekanisme pengiktirafan pendidikan tahfiz, penarafan institusi tahfiz, pentauliahan dan gelaran penghafaz al Quran.*

## PENDAHULUAN

Pendidikan Tahfiz secara formal telah wujud di negara ini sejak 50 tahun yang lalu dengan tertubuhnya Program Pengajian Tahfiz al-Quran di Masjid Negara pada 1 Mac 1966. Pendidikan tahfiz kemudiannya mengalami perkembangan dengan tertubuhnya institusi-institusi pengajian tahfiz di peringkat negeri seperti di Kelantan pada tahun 1979 dan di Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor pada tahun 1980an. Seterusnya pada awal tahun 1990an Negeri Sembilan, Melaka, Pahang serta Sabah telah mewujudkan institusi pendidikan tahfiz dan diikuti pada tahun 1996 oleh Johor dan Pulau Pinang. Program pengajian tahfiz ini terus berkembang dengan pesat setelah

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan di Konvensyen Pendidikan Tahfiz Kebangsaan Tahun 2018, anjuran Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Hotel Putra Kuala Lumpur pada 26-28 Mac 2018.

<sup>2</sup> Penulis adalah Pengarah Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

wujudnya ma'ahad-ma'ahad tahfiz swasta<sup>3</sup> yang tumbuh bagaikan cendawan di musim hujan. Malah agensi kerajaan termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut memperkenalkan program pendidikan tahfiz sebagai sebahagian dari nilai tambah dalam pengajian. Di Kementerian Pendidikan Malaysia pelaksanaan program pendidikan tahfiz dilaksanakan pada tahun 2014 melibatkan model Ulul Albab dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan pada tahun 2015 pelaksanaan program ini telah diperluaskan ke sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Perkembangan ini teretus lantaran masyarakat Islam telah mula menyedari kepentingan beragama sebagai wadah bagi kemajuan hidup. Pengajian tahfiz menjadi salah satu platform untuk masyarakat menterjemahkan kesedaran Islam mereka dan dalam masa yang sama institusi tahfiz yang dipelopori oleh kerajaan tidak berupaya menampung jumlah permintaan yang tinggi daripada masyarakat.

Situasi ini telah menyebabkan berlakunya lambakan institusi tahfiz terutama institusi tahfiz swasta yang turut memberi kesan dan akibat kepada ketidakselarasan dalam pentadbiran, kurikulum, tempoh pengajian, penarafan sijil dan sebagainya. Di samping itu, kewujudan banyak pusat pengajian dan institusi tahfiz ini telah menyebabkan berlakunya pelbagai matlamat dan pengajian tahfiz al-Quran, masing-masing menawarkan program pengajian dalam bentuk dan kaedah yang tersendiri. Keadaan ini sebenarnya telah memberi cabaran dalam mengurus hala tuju pendidikan tahfiz disebabkan melebarnya masalah-masalah berbangkit dari kepelbagaian dan keragaman tersebut. Umpamanya dari aspek penilaian, ianya perlu mengambil kira beberapa aspek utama seperti tahap pengajian merangkumi rendah, menengah dan pengajian tinggi, penarafan sijil sama ada diiktiraf atau tidak oleh kerajaan,

---

<sup>3</sup>Sejarah penubuhan Maahad Tahfiz swasta di Malaysia dikatakan berlaku apabila lepasan tahfiz al-Quran dari India dan Pakistan yang kembali ke Malaysia mula menubuhkan sekolah mereka sendiri di negara ini. Kerana tu jugalah kaedah tradisional masih lagi digunakan yang selalunya diambil dari India dan Pakistan, tapi disesuaikan dengan budaya tempatan.

kelangsungan pengajian di dalam dan luar negara, keperluan kolaborasi yang bersifat silang ilmu dan sebagainya.

Isu ini akhirnya menjadi tanggungjawab kepada pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan untuk mencari mekanisme terbaik bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

## **SENARIO PENARAFAN DAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM PENGAJIAN TAHFIZ**

Pada peringkat awal kewujudan pendidikan tahfiz di negara ini, Syahadah Institut Tahfiz dan Latihan Al-Quran yang dikeluarkan oleh Maahad Tahfiz, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri telah diterima sebagai sijil yang melayakkan bagi permohonan penyambungan pengajian ke timur tengah dalam bidang tahfiz al-Quran.

Sehingga pada 16 April 1983, Sijil Tahfiz Al-Quran yang dikeluarkan oleh Maahad Tahfiz al-Quran Jakim telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai setaraf dengan Diploma. Pengiktirafan ini diberi dengan penambahan mata pelajaran dan masa pengajian kepada subjek-subjek yang berkaitan. Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Darul Quran JAKIM juga diiktiraf oleh universiti-universiti tempatan dan luar negara bagi penerusan pengajian di universiti berkenaan. Antara institusi tersebut ialah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Negeri Sultan Syariff Kasim Riau, Indonesia dan Universiti Al-Azhar, Mesir. Dengan pengiktirafan tersebut, ramai pelajar lepasan Maahad Tahfiz JAKIM telah menyambung pelajaran ke peringkat sarjana muda dalam dan luar negara.

Ekoran daripada pengiktirafan tersebut, banyak kerajaan negeri yang menubuhkan Ma'ahad Tahfiz Al-Quran telah menggunakan kurikulum daripada JAKIM, bermula dengan MTQN Negeri Johor menjadi negeri pertama menyertainya pada tahun 1986. Sehingga tahun 1996, didapati kesemua negeri di Malaysia kecuali Sarawak menyertai program pengajian tahfiz bersama Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Secara realitinya pada masa ini, pengawalan institusi tahfiz<sup>4</sup> adalah berada dibawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri, namun, pelbagai pihak telah meletakkan harapan dan supaya peranan memperakukan pengiktirafan pensijilan tahfiz dipertanggungjawabkan kepada Darul Quran, Jakim. Harapan pelbagai pihak tersebut dibuat atas dasar ketiadaan badan khusus yang berpengalaman tinggi dalam memainkan peranan untuk mengiktiraf pensijilan Tahfiz sebagaimana pengiktirafan terhadap pendidikan arus perdana.

Di samping itu, Darul Quran sebagai institusi tahfiz kerajaan terawal dan terulung yang telah terbukti berkemampuan melahirkan para graduan Tahfiz dan Qiraat yang mahir dan berketrampilan, telah menyebabkan banyak pihak menaruh kepercayaan kepada Darul Quran supaya berperanan membuat perakuan dan pengiktirafan program pengajian tahfiz di negara ini. Dalam hal ini beberapa program pensijilan tahfiz yang dikeluarkan oleh Darul Quran telah dijadikan sebagai sijil yang memberi nilai tambah kepada sesuatu perakuan dalam bidang tahfiz, umpamanya sijil Tahfiz Malaysia diterima sebagai salah satu dokumen sokongan dalam permohonan jawatan Guru Interim Tahfiz di Kementerian Pelajaran Malaysia.

## **ISU DAN MASALAH PENGIKTIRAFAN PROGRAM PENGAJIAN TAHFIZ**

Secara umumnya, pengiktirafan<sup>5</sup> merupakan penghargaan yang diberi secara rasmi kepada individu atau institusi setelah penilaian dilaksanakan melalui pelbagai kaedah. Ia adalah salah satu mekanisme paling berkesan untuk membina modal insan yang berketrampilan tinggi bagi merealisasikan aspirasi sesebuah organisasi untuk

---

<sup>4</sup>Pengawalan Pendidikan Islam termasuk pendidikan tahfiz dilaksanakan melalui MAIN/JAIN atau yayasan Islam Negeri-negeri seperti yang diperuntukkan dalam Enekmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama Islam negeri atau peraturan atau kaedah yang berkuasa di negeri berkenaan.

<sup>5</sup>Dalam konteks Malaysian Qualifications Agency (MQA), perakuan pengiktirafan adalah merupakan satu perakuan rasmi bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan oleh MQA dan adalah selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualifications Framework (MQF).

meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan. Dalam konteks pendidikan, perakuan pengiktirafan menjadi tanda aras kualiti program pengajian yang diikuti oleh para pelajar.

Antara isu dan masalah pengiktirafan program pengajian Tahfiz ialah isu pengambilan pelajar dimana syarat kemasukan ke institusi tahfiz swasta adalah lebih mudah berbanding dengan syarat kemasukan ke institusi tahfiz kerajaan. Kebiasaannya institusi tahfiz swasta mengambil pelajar yang tidak mempunyai sebarang sijil peperiksaan awam yang diiktiraf oleh kerajaan. Keadaan ini berbeza dengan syarat kemasukan ke institusi tahfiz kerajaan yang menetapkan syarat pengambilan yang didasarkan kepada sijil peperiksaan awam yang diiktiraf oleh kerajaan. Situasi ini menimbulkan masalah kebolehpasaran pelajar kerana sijil yang mereka perolehi tersebut tidak diperakui untuk menyambung pengajian atau mendapatkan pekerjaan sedangkan pelajar sememangnya mempunyai kemahiran dan menguasai ilmu hafazan seperti yang diperlukan. Pelajar terbabit akan menjadi mangsa keadaan dan terdicir dari arus perdana pengajian tahfiz.

Disamping itu, isu persijilan juga merupakan salah satu isu pengiktirafan program pengajian tahfiz. Sebagaimana sedia diketahui, penarafan sijil memainkan peranan penting bagi masyarakat moden kerana ia adalah lambang kejayaan setelah pelbagai ujian dan penilaian dilalui semasa pengajian. Ia juga sebagai 'alat' untuk melayakkan bagi tujuan penerusan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian. Justru pengiktirafan pensijilan kini telah menjadi tuntutan dan keperluan masyarakat sekarang. Pengiktirafan kerajaan menjadi mekanisme penting dalam menentukan sijil yang dikeluarkan tersebut diterima atau tidak dalam pasaran pekerjaan.

Berdasarkan senario tersebut di atas, pendidikan tahfiz di Malaysia perlu diletakkan setanding dengan pendidikan arus perdana seiring dengan falsafah pendidikan kebangsaan dan falsafah pendidikan Islam. Realitinya kini kerajaan telah menunjukkan komitmen yang tinggi kearah memperkasakan pendidikan tahfiz dengan memperkenalkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang telah menggariskan strategi pelaksanaannya berdasarkan lima teras seperti berikut:

1. Memantapkan Undang-undang dan Penguatkuasaan
2. Mewujudkan model institusi tahfiz
3. Mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana
4. Memperkasakan tadbir urus institusi tahfiz
5. Mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz

Dalam merealisasikan perkara ini, Darul Quran telah diamanahkan untuk mengetuai gerak kerja memperhalusi pelan tindakan dan garis masa pelaksanaan serta mengenalpasti penglibatan agensi yang berkaitan bagi teras lima iaitu Mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi Institusi tahfiz di Malaysia. Strategi pelaksanaan yang digariskan adalah meliputi inisiatif-inisiatif berikut:

- i. Mewujudkan badan pengiktirafan khusus bagi memperakukan tahap profesionalisme hafiz al-Quran
- ii. Memberi penarafan kepada institusi Tahfiz dengan mewujudkan mekanisma penarafan yang sistematik dan berkesan
- iii. Memperakukan pencapaian tahap hafazan pelajar melalui sijil pengiktirafan pengikut kategori
- iv. Memperakukan kemahiran kepada penghafaz al-Quran melalui sijil professional khas

Disamping itu, bagi memastikan pengajian tahfiz di setiap tahap pendidikan mempunyai sijil yang diiktiraf oleh kerajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia diberi tanggungjawab menjadi peneraju untuk mengenalpasti dan membina mata pelajaran berkaitan bidang tahfiz pada setiap tahap pendidikan serta mewujudkan mata pelajaran tahfiz dalam

peperiksaan dan pentaksiran arus perdana bermula dari sekolah rendah hingga menengah atas.

Justru, Darul Quran telah mengambil inisiatif mengadakan beberapa siri program percambahan fikiran bagi mendapatkan cadangan dan buah fikiran yang terbaik kearah merealisasikan inisiatif-inisiatif yang telah ditetapkan.

### **CADANGAN PENUBUHAN BADAN PENGIKTIRAFANTAHFIZ**

Tidak dapat dinafikan bahawa pengiktirafan merupakan satu elemen penting kepada para Huffaz. Ia dapat memberi peluang kepada mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, membuka peluang pekerjaan dan dakam masa yang sama mendapat pengiktirafan dari masyarakat terhadap ilmu yang mereka perolehi. Ini semestinya dapat memberi nilai tambah kepada para huffaz.

Seperti yang diketahui umum, sehingga kini masih belum ada badan khusus yang ditubuhkan untuk mengawal standard kualiti pendidikan tahfiz dan para huffaz di negara ini. Pengwujudan badan khusus yang berperanan memberi pengiktirafan dan penarafan terhadap sistem pengajian, kurikulum, perakuan dan persijilan tahfiz di negara ini merupakan satu keperluan amat dinanti-nantikan. Oleh itu, satu badan tertinggi pendidikan tahfiz di peringkat persekutuan dicadangkan supaya ditubuh dengan nama Majlis Tahfiz Negara (MTN). Keanggotaan MTN adalah terdiri daripada ketua-ketua pelbagai agensi yang berkaitan dengan pendidikan di peringkat negeri dan persekutuan. Fungsi utama MTN ialah sebagai badan penasihat, penentu dasar, hala tuju dan kualiti pendidikan tahfiz kebangsaan di Malaysia. Urusetia MTN adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang bertanggungjawab untuk menjalankan tugas penyelarasan secara lebih berkesan dan bersifat holistik berkaitan pendidikan tahfiz. Penubuhan MTN dapat mempertingkatkan keyakinan masyarakat dalam dan luar negara terhadap kredibiliti pendidikan tahfiz di Malaysia.

Dalam memantapkan fungsi MTN, beberapa jawatankuasa pelaksana diwujudkan iaitu Jawatankuasa Pengiktirafan Tahfiz Kebangsaan (JPTK), Lajnah Syuyukh Huffaz, Lembaga Peperiksaan Tahfiz Malaysia dan Jawatankuasa Pembangunan Standard Tahfiz.

Jawatankuasa Pengiktirafan Tahfiz Kebangsaan (JPTK) diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan pengiktirafan huffaz dapat dijalankan dengan lebih berkesan. JPTK dianggotai oleh pengurusan tertinggi agensi-agensi, dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam pengiktirafan Huffaz termasuk ahli akademik dan perwakilan Lajnah Syuyukh. JPTK akan bertanggungjawab dalam hal berkaitan perakuan pengiktirafan kelayakan dan jaminan kualiti pendidikan tahfiz termasuk pengiktirafan para huffaz, penarafan institusi tahfiz, kurikulum Tahfiz dan mekanisme penilaian hafazan termasuk penggunaan gelaran Huffaz, pengurusan Institusi tahfiz dan Kod Etika Huffaz.

Manakala Lajnah Syuyukh Huffaz (LSH) adalah sebuah badan yang dianggotai oleh sheikhul Maqari' dan para Muqri' dari setiap negeri serta ahli-ahli akademik yang memiliki dan menguasai kemahiran serta kepakaran dalam bidang tahfiz al-Quran. LSH bertanggungjawab untuk membuat memperakukan cadangan berkaitan jaminan kualiti pendidikan tahfiz termasuk aspek penarafan institusi tahfiz, perakuan pengiktirafan pencapaian hafazan dan perakuan pengiktirafan kemahiran professional huffaz.

Jawatankuasa Pembangunan Standard Tahfiz pula berperanan membangunkan standard-standard kualiti tahfiz merangkumi Standard Pengurusan dan Pengajaran Tahfiz, Standard Pembangunan kurikulum Tahfiz, Standard Kualiti Guru Tahfiz, Pusat Latihan Pengajaran Tahfiz, Standard Institusi Tahfiz dan Panduan dan Syarat Permohonan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Tahfiz termasuk serta kod Etika Huffaz serta mewujudkan mekanisme pengiktirafan dan penarafan yang sistematik dan berkesan kepada institusi tahfiz berdasarkan model-model tahfiz.

Fungsi Lembaga Peperiksaan Tahfiz Malaysia pula ialah berkaitan aspek memberi nasihat, memantau, membuat analisis tentang penilaian berdasarkan sekolah di samping mengendalikan semua peperiksaan, melaksanakan pemantauan dan



penguatkuasaan mengikut peraturan, garis panduan dan arahan tentang peperiksaan.. Lembaga ini dianggotai oleh pegawai-pegawai yang dilantik dari pelbagai agensi berkaitan berdasarkan pengalaman dan kompetensi dalam bidang pengujian dan pendidikan tahfiz.

## **MEKANISME PENGIKTIRAFAN PENDIDIKAN TAHFIZ**

Dalam usaha untuk memartabatkan pendidikan tahfiz, satu mekanisme pengiktirafan yang standard perlu diwujudkan bagi tujuan mengawal dan memastikan institusi tahfiz mematuhi piawaian yang telah ditetapkan di samping itu mekanisme ini juga akan dijadikan garis panduan bagi memastikan usaha penambahbaikan sistem pengajian dan pengukuhan pengurusan institusi tahfiz di negara ini dilaksanakan secara berterusan. Mekanisme pengiktirafan ini perlu bersifat menyeluruh merangkumi aspek penyelarasan kurikulum, penyelarasan sistem persijilan, penetapan tahap dan bentuk pengiktirafan dan menentukan kaedah penarafan institusi tahfiz.

### **Mewujudkan Kurikulum Yang Selaras**

Satu Kurikulum program pengajian tahfiz yang *standard* harus dibangunkan dan diselaraskan untuk diguna pakai secara bersama di semua institusi pengajian tahfiz seluruh negara sama ada kerajaan<sup>6</sup> atau pun swasta<sup>7</sup> bagi menjaga kualiti dan mutu pengajian tahfiz. Kewujudan kurikulum tahfiz yang *standard* dan berkualiti ini akan dapat melahirkan para *huffaz* yang lebih berdaya saing dan berkeyakinan kerana mereka dididik dan diuji di bawah satu kurikulum yang sama. Justeru untuk membina kurikulum yang standard ini memerlukan penelitian yang cermat dari semua aspek. Oleh itu, satu kajian yang menyeluruh perlu dijalankan dengan mengambil kira pandangan semua pihak yang berkepentingan melibatkan pakar, agensi kerajaan dan institusi terbabit agar hasilnya dapat memuaskan hati dan

---

<sup>6</sup> sekolah atau institusi tahfiz yang diuruskan oleh kerajaan, selalunya mempunyai struktur pengurusan, kurikulum dan kemudahan yang tersusun serta diuruskan secara sistematik dan teratur. Pembelajarannya berdasarkan kurikulum yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia atau agensi kerajaan terbabit

<sup>7</sup> secara umumnya sekolah tahfiz swasta menawarkan sistem pendidikan tersendiri dan kokurikulum yang pelbagai serta sering dikaitkan dengan pengurusan yang tidak sistematik dan teratur.

memberi faedah kepada semua pihak. Ini adalah kerana penggubalan sesuatu kurikulum tahfiz yang standard memerlukan kepada penelitian yang komprehensif termasuk penelitian terhadap matlamat dan tujuan asal penubuhan sesebuah institusi tahfiz. Dalam hal ini, teras pengajian (*niche area*) yang akan dibangunkan hendaklah *dominan* walaupun ianya diintegrasikan dengan ilmu-ilmu lain yang bersifat nilai tambah.

### **Memperkenalkan Pensijilan Tahfiz Malaysia yang Standard**

Penarafan sesuatu sijil diukur berasaskan tahap pengajian sama ada di peringkat pensijilan, diploma atau ijazah. Dengan adanya penyelarasan kurikulum tahfiz yang standard akan lebih memudahkan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membuat pengiktirafan bagi mewujudkan satu standard sijil tahfiz yang diiktiraf mengikut tahap pengajian pelajar. Penyelarasan ini akan berupaya merungkai permasalahan wujudnya pensijilan tahfiz yang tidak diiktiraf atau tidak diperakukan oleh pihak yang berautoriti bagi tujuan melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi atau memohon sesuatu perjawatan khususnya yang berkaitan dengan kerajaan.

#### Tahap Pensijilan Dan Pengiktirafan

Pengiktirafan pensijilan ini menggunakan kelayakan nilai taraf pada peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah sebagaimana yang telah digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Dalam usaha merealisasikan perakuan pengiktirafan<sup>8</sup> ini sebanyak tujuh kategori pensijilan dicadangkan bermula dari pendidikan pra-sekolah hinggalah ke peringkat ijazah sebagaimana yang digariskan dalam Teras 5 Strategi Pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara iaitu Mewujudkan Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan bagi Institusi Tahfiz. Di samping itu perakuan pengiktirafan dan pensijilan pendidikan tahfiz berasaskan pengujian tanpa pembelajaran secara formal juga diperkenalkan. Pengkategorian pensijilan ini adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1 dan Jadual 2 di bawah

---

<sup>8</sup> Penilaian yang dilakukan bagi memperoleh sijil-sijil ini meliputi ujian syafawi, tahriri, pengetahuan fardhu ain, kemahiran bahasa Arab, Maharat Al Quran termasuk juga penilaian berterusan guru tahfiz sendiri.

Jadual 1: Pengkategorian Pensijilan Pendidikan Tahfiz

<b>Trek</b>	<b>Nama Pensijilan</b>	<b>Tahap Kompetensi</b>
Pendidikan Asas Tahfiz (Pra-sekolah)	<b>SATQM - Sijil Asas Tahfiz Al-Quran Malaysia</b>  - Sijil Perakuan Asas Hafazan	Tahap Pengetahuan Asas Hafazan (Surah-surah Terpilih)
Pendidikan Tahfiz Rendah (Tahun 1-6)	<b>STQM 1 – Sijil Tahfiz Al-Quran Malaysia Tahap 1</b>  - Ujian Penilaian Hafazan Rendah - Sijil Talaqqi Al Quran Bersanad	Tahap Rendah Hafazan (Surah-surah Terpilih)
Menengah Rendah (Tingkatan 1-3)	<b>STQM 2 – Sijil Tahfiz Malaysia Tahap 2</b>  - Sijil Perakuan Hafazan Tahap 1&2 - Sijil Ithbat Syahadah tahap 1 & 2	Tahap Hafazan 10 Juz (Tahap 1) Tahap Hafazan 20 Juz (Tahap 2)
Menengah Atas (Tingkatan 4-6)	<b>STQM 3 – Sijil Tahfiz Malaysia Tahap 3</b>  - Sijil Tahfiz Jakim– IPT - Sijil Tahfiz Malaysia – KPM - Sijil Tahfiz Al-Quran Malaysia Jakim - Sijil ithbat Syahadah Tahap 3	Tahap Hafazan 30 Juz (Tahap 3) secara syafawi dan tahriri
Pendidikan Tinggi Tahfiz (Diploma @ Setaraf)	<b>DTQM 4– Diploma Tahfiz Al-Quran Malaysia Tahap 4</b>  - Diploma Tahfiz al-Quran @ setaraf	Mempunyai kemampuan mengingat hafazan pada tahap biasa secara syafawi dan tahriri

Pendidikan Tinggi Tahfiz (Diploma lanjutan)	<b>DTQM 5– Diploma Tahfiz Al-Quran Malaysia (Lanjutan) Tahap 5</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Diploma Lanjutan Tahfiz al- Quran @ setaraf</li> <li>- Sijil Syahadah Tahfiz (Kubra),</li> <li>- Sijil Tinggi Tahfiz Al Quran Malaysia</li> </ul>	Mempunyai kemampuan mengingat hafazan pada tahap sederhana tinggi secara syafawi dan tahriri
Pendidikan Tinggi Tahfiz (Ijazah)	<b>ITQM 6- Ijazah Tahfiz Al-Quran Malaysia Tahap 6</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ijazah Sarjana Muda Tahfiz</li> </ul>	Mempunyai kemampuan dan kemahiran Hafazan Tahap Tinggi secara syafawi dan tahriri

Jadual 2: Pengiktirafan Dan Pensijilan Pendidikan Tahfiz Berasaskan Pengujian Tanpa Pembelajaran Secara Formal

BIL	NAMA SIJIL	KATEGORI/ ASPEK PENILAIAN	KUMPULAN SASARAN
1.	Sijil Syahadah Tahfiz (Kubra),	Pengujian dilakukan dengan memperdengarkan bacaan 30 juzuk selama 2 hari dan dianugerahkan kepada yang melakukan kesalahan idak melebihi 15 kali.	Terbuka kepada penghafaz al-Quran yang lancar.
1	Sijil Talaqqi Hafazan al-Quran bersanad	Pengujian hafazan secara talaqqi dengan mengambil sanad dari seorang guru dalam tempoh masa tertentu bergantung kepada kemampuan individu.	Terbuka kepada penghafaz al-Quran yang berminat untuk menghafaz al-Quran secara bersanad.

2	Sijil Talaqqi al- Quran Bersanad	Pengujian terhadap kemahiran membaca al-quran secara lebih mendalam melalui pengajian bersanad dengan seorang guru. Pengurniaan sanad bacaan adalah tertakluk kepada guru semata-mata.	Terbuka kepada semua orang awam yang berminat dan melepasi pemilihan melalui temuduga.
3	Sijil Tahfiz Malaysia	Hafazan al-Quran 30 juzuk (ujian shafawi dan tahriri) serta ujian bertulis pengetahuan Islam	Penghafaz al-Quran yang telah khatam hafazan berumur 16 tahun ke atas
4	Sijil Tinggi Tahfiz Malaysia	Hafazan al-Quran 30 Juzuk (shafawi dan tahriri) serta mudah-mudah berkaitan Ulum Quran dan Qiraat, maharat al-Quran, dan Bahasa Arab	Terbuka kepada penghafaz al-Quran yang telah khatam hafazan serta berumur 18 tahun dan ke atas.
5	Sijil Hafazan al-Quran	Hafazan al-Quran 30 juzuk (ujian shafawi sahaja)	Penghafaz al-Quran yang telah khatam hafazan yang tidak mampu melalui ujian secara penulisan.
6	Sijil Perakuan Hafazan	Penilaian hafazan bagi pelajar yang telah mengikuti pengajian tahfiz yang tidak mencukupi 30 Juzuk.	Diberikan kepada pelajar yang mengikuti program pengajian tahfiz Darul Quran Jakim, termasuk program Diploma, Pensijilan, serta SKM juga kepada pelajar-pelajar KPM.

## **Penarafan Institusi Tahfiz**

Kebiasaannya pengajian institusi tahfiz swasta dilaksanakan di bangunan yang dibina atas tanah persendirian atau disewa di premis-premis bangunan dan ada juga rumah-rumah milik persendirian diwakafkan untuk dijadikan sekolah-sekolah tahfiz. Secara umumnya sekolah tahfiz swasta sering dikaitkan dengan pengurusan yang tidak sistematik dan menawarkan sistem pendidikan tersendiri dan kokurikulum yang pelbagai. Situasi ini mengundang kepada persekitaran yang tidak selamat dan menimbulkan masalah pengiktirafan disebabkan ketidakselarasan antara satu institusi tahfiz dengan institusi tahfiz yang lain


Justeru, satu mekanisme penarafan institusi tahfiz perlu diwujudkan bagi memastikan semua pihak pengurusan institusi tahfiz sama ada di bawah kelolaan kerajaan atau swasta menyediakan prasarana dan persekitaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang kondusif. Mekanisme penarafan institusi tahfiz ini juga akan dapat membantu agensi berkuasa negeri mengawal dan memastikan institusi tahfiz mematuhi piawaian yang telah ditetapkan. Institusi yang boleh diperakukan untuk diberi penarafan dan pengiktirafan hendaklah memenuhi kriteria dan syarat-syarat meliputi aspek pendaftaran, keselamatan bangunan, penyediaan kemudahan prasarana pembelajaran, kelayakan tenaga pengajar, jumlah pelajar dan keperluan-keperluan lain berdasarkan spesifikasi yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Dicadangkan dua tahap penarafan yang diperkenalkan iaitu penarafan penuh dan penarafan sementara. Bagi penarafan penuh, institusi dikehendaki memenuhi kesemua kriteria dan syarat yang ditetapkan dengan lengkap dan sempurna termasuk telah berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri dan diperakukan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan atau Pejabat Kesihatan Negeri atau Daerah. Manakala bagi institusi yang belum memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan dengan sempurna akan diberikan status penarafan sementara mengikut tempoh yang ditentukan.

## Proses Pengiktirafan Dan Penarafan Institusi Tahfiz

Sesuatu institusi tahfiz layak diberi pengiktirafan sementara apabila ia telah berdaftar dengan pihak berkuasa agama. Namun begitu bagi memastikan institusi tersebut mendapat pengiktirafan sepenuhnya maka satu proses penaziran perlu dilaksanakan sebagai satu mekanisme mengawal selia dan mengawal mutu pelaksanaan program pengajian tahfiz dilokasi terbabit.

Gerak kerja pengiktirafan dan penarafan institusi tahfiz bermula setelah permohonan beserta dokumen lengkap diterima dari institusi yang memohon. Dokumen tersebut akan disemak dan diteliti bagi memastikan kriteria dan syarat yang ditetapkan dipenuhi dengan lengkap dan sempurna. Setelah selesai pemeriksaan dokumen, gerak kerja pengiktirafan dan penarafan akan disusuli dengan fasa kedua iaitu melaksanakan pengauditan di lokasi terbabit bagi memastikan pematuhan dan terdapat pembuktian sebagaimana yang dilaporkan dalam dokumen yang dikemukakan bersama permohonan. Berdasarkan laporan yang dibuat oleh panel auditor, satu sesi penilaian akan dilakukan bagi memperakukan sama ada permohonan tersebut memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan yang melayakkan lokasi tersebut diberi pengiktirafan sepenuhnya atau pengiktirafan bersyarat. Tempoh sah laku bagi setiap pengiktirafan adalah selama lima tahun. Pihak institusi dikehendaki membuat permohonan bagi mendapat pengiktirafan semula setelah tamat tempoh tersebut. Carta alir permohonan pengiktirafan dan penarafan institusi tahfiz adalah seperti di bawah

## Carta alir permohonan pengiktirafan dan penarafan institusi tahfiz



### **Pengiktirafan Dan Gelaran Kepada Penghafaz Al Quran**

Hasrat untuk memartabatkan pendidikan tahfiz di negara ini tidak akan tercapai tanpa ada usaha untuk memperkasakan guru-guru tahfiz yang merupakan nadi kepada kecemerlangan pelajar. Oleh itu, bagi memastikan kecekapan, kebolehan dan autoriti guru tahfiz, maka satu proses pentauliahan yang menepati standard kualiti guru tahfiz perlu diwujudkan bagi membolehkan kompetensi seseorang guru tahfiz itu dapat diuji, dan memiliki perilaku yang beretika serta mempunyai jaminan kualiti yang sesuai. Dalam masa yang sama gelaran tertentu bersesuaian dengan tahap keilmuan dan kepakaran yang dimiliki oleh para penghafaz Al Quran perlu diperkenalkan. Dalam konteks ini dicadangkan beberapa gelaran kepada para penghafaz Al-Quran bersesuaian dengan tahap keilmuan dan kepakaran yang dimiliki oleh mereka iaitu Al



Hafiz, Al Muhaffiz, Al Qari', Al Muqri' dan Sheikh al Maqari'. Takrifan bagi setiap gelaran tersebut serta syarat-syarat khas yang mesti dipenuhi adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 3: Pentauliahahan Dan Gelaran Penghafaz Al Quran

GELARAN	DEFINISI	SYARAT
<b>AL HAFIZ</b>	Menghafaz Al Quran 30 Juzuk Mahir Tajwid Riwayat Hafs (Teori Dan Praktikal)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Umur : 18 Tahun dan keatas</li> <li>• Warganegara Malaysia</li> <li>• Kelulusan : SPM dan STM (swasta) atau Sijil / Diploma Tahfiz yang diiktiraf JAKIM</li> <li>• Lulus Temuduga</li> </ul>
<b>AL MUHAFFIZ</b>	Menghafaz Al Quran 30 Juzuk Mahir Tajwid Riwayat Hafs (Teori Dan Praktikal) Mengajar Al Quran Dan Hafazan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Umur : 23 dan keatas</li> <li>• Warganegara : Malaysia</li> <li>• Kelulusan : Diploma Tahfiz yang diiktiraf JAKIM</li> <li>• Lulus Temuduga</li> <li>• Pengalaman mengajar : 5 tahun</li> </ul>
<b>AL QARI'</b>	Menghafaz 30 Juzuk Mahir Dalam Ilmu Al Quran Dan Bahasa Arab Mahir Tajwid Toriq As Syatibi (7 Qiraat) Mempunyai Sanad Menghafaz 30 Juzuk (Riwayat Hafs)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Umur : 23 dan keatas</li> <li>• Warganegara : Malaysia</li> <li>• Kelulusan : Diploma Tahfiz Qiraat</li> <li>• Lulus Temuduga</li> <li>• Pengalaman mengajar : 5 tahun</li> </ul>
<b>AL MUQRI'</b>	Menghafaz Al Quran 30 Juzuk Mahir Ilmu Al Quran Dan Bahasa Arab Mahir Qiraat Toriq Syatibi Dan Durrah (10 Qiraat) Mempunyai Sanad Menghafaz 30 Juzuk (Riwayat Hafs)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Umur : 30 dan keatas</li> <li>• Warganegara : Malaysia</li> <li>• Kelulusan : Ijazah Qiraat</li> <li>• Lulus Temuduga</li> <li>• Pengalaman mengajar : 10 tahun</li> </ul>

<p><b>SYEIKH AL MAQARI'</b></p>	<p>Menghafaz Al Quran 30 Juzu Mahir Dalam Ilmu Al Quran Dan Bahasa Arab Mahir Qiraat Toriq Syatibi Dan Durrah Sanad Menghafaz 30 Juzuk ( Riwayat Hafs)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Umur : 35 dan keatas</li> <li>• Warganegara : Malaysia</li> <li>• Kelulusan : Ijazah Qiraat</li> <li>• Lulus Temuduga</li> <li>• Pengalaman mengajar : 15 tahun</li> </ul>
---------------------------------	--	---

Kaedah-kaedah Pentauliahan


Penganugerahan pentauliahan dan gelaran kepada penghafaz al quran dicadangkan berasaskan kepada tiga kaedah iaitu:

Kaedah Pertama – Penganugerahan diberi setelah calon menjalani satu proses pembelajaran atau latihan dalam tempoh masa yang ditetapkan berdasarkan kurikulum yang digubal bersesuaian dengan tahap-tahap keilmuan yang perlu dikuasai. Calon dikehendaki menjalani sesi penilaian bagi menguji kebolehan dan berjaya mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan sebelum sesuatu tauliah tahfiz dianugerahkan.

Kaedah Kedua – Penganugerahan diberi setelah calon menjalani satu sesi penilaian bagi menguji kebolehan dan berjaya mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan sebelum sesuatu tauliah tahfiz dianugerahkan. Calon menjalani sesi penilaian tanpa melalui proses pembelajaran atau latihan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Kaedah Ketiga – Penganugerahan diberi setelah calon menjalani satu sesi penilaian bagi menguji kebolehan dan berjaya mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan sebelum sesuatu tauliah tahfiz dianugerahkan. Di samping itu pengiktirafan terhadap pencapaian terdahulu diambil kira sebagai satu proses pembelajaran yang dilalui oleh calon.

## Carta Alir Permohonan Pentauliahan Dan Gelaran Huffaz



### **PENGIKTIRAFAN PROGRAM HUFFAZ KEMAHIRAN**

Perhatian juga harus diberikan kepada golongan huffaz yang tidak mengikuti proses pendidikan arus perdana tetapi mereka mempunyai kemampuan yang tinggi dalam bidang tahfiz al-Quran. Terdapat cadangan untuk memperluaskan bidang Pendidikan dan Latihan Vokasional (TVET) kepada pelajar tahfiz. Inisiatif perlu diambil bagi membangun Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)<sup>9</sup> khususnya yang berkaitan dengan kemahiran Hafazan Al Quran. Justru, pengiktirafan huffaz juga boleh dilakukan melalui program tahfiz kemahiran yang dilakukan secara usaha sama oleh

<sup>9</sup> NOSS atau **N**ational **O**ccupational **S**kills **S**tandard ditakrifkan sebagai spesifikasi kompetensi yang diharapkan daripada seorang pekerja mahir di Malaysia dalam aspek bidang pekerjaan, tahap dan laluan untuk mencapai kecekapan.

pihak berkuasa agama negeri dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

## **MEWUJUDKAN KERANGKA KELAYAKAN TAHFIZ KEBANGSAAN**

Dalam memastikan pendidikan tahfiz di negara ini setaraf dengan pendidikan arus perdana, dicadangkan supaya Kerangka Kelayakan Tahfiz Kebangsaan (KKTK) diwujudkan agar ianya mendapat pengiktirafan sebagaimana pendidikan kebangsaan atau pendidikan tahfiz dimasukkan sebagai sebahagian daripada program pengajian yang disenarai dalam Kerangka Kelayakan Malaysia oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Melalui pendekatan ini, keupayaan seseorang huffaz dapat dipamerkan meliputi kedalaman dan kompleksiti ilmu serta pemahamannya, selain dari aspek pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran.

## **PENUTUP**

Tidak dapat dinafikan bahawa golongan huffaz merupakan aset yang penting kepada negara. Golongan ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk dimanfaatkan bagi menjalankan kegiatan dakwah dan pengislahan kepada masyarakat. Namun di sebalik potensi tersebut, wujud permasalahan dan cabaran yang pelbagai termasuk berkaitan ketidakseragaman kurikulum, prasarana yang tidak lengkap, sijil yang tidak diiktiraf kerajaan, huffaz yang tidak berkemahiran dan sebagainya. Justru, kepelbagaian permasalahan dan cabaran dalam pendidikan tahfiz di Malaysia ini memerlukan kepada komitmen agensi-agensi kerajaan yang berkaitan mengembelikan usaha bagi memartabatkan pendidikan tahfiz ini agar ianya setanding dengan pendidikan arus perdana. Dalam merealisasikan perkara ini, perancangan yang strategik dan pelaksanaan yang sistematik perlu dilakukan untuk para huffaz dan institusi tahfiz memperolehi pengiktirafan dan mencapai standard kualiti sebagaimana yang telah ditetapkan dalam sistem pendidikan negara. Hasrat untuk melahirkan *huffaz* professional yang menguasai pelbagai disiplin ilmu termasuk ilmu sains mampu direalisasikan jika semua pihak memberi komitmen yang tinggi untuk memperkasakan pendidikan tahfiz di negara ini.

## RUJUKAN

Abd Rahman Abd Ghani, Mohd Khafidz Soroni, Noorhafizah Mohd Haridi, Zainora Daud, Azmil Hashim & Wan Sabariah Wan Yusoff, **Pengurusan Institusi Tahfiz Persendirian Di Negeri Selangor**, *Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

Adnan Mohamed Yusoff, **Halatuju Pengajian Tahfiz Di Malaysia** *Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).*

Dr. Noor Hisham Md Nawawi, Dr. Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob & Nasrul Hakim Salleh, **Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan; Satu Pengamatan Awal**, Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan

Garis Panduan Penganugerahan dan Pengiktirafan Pegawai Perkhidmatan Awam, (2014) Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Putrajaya

Hj. Wan Mohamad B. Abd. Aziz (1997), **“Pengurusan Maahad Tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia”**, Jurnal Darul Quran, Bil. 3, Jun 1997.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2003). Sambutan 35 Tahun JAKIM: Penjan Umat Bertaqwa dan Progresif. Percetakan Nasional Berhad.

Jabatan Pembangunan Kemahiran (2014) **National Occupational Skills Standard (Noss) Pengurusan Masjid (Tahap 3) Versi 1.0** 2014

Nordin Ahmad 2015, *Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabatkan Pendidikan Tahfiz di Malaysia* dalam **Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV**, Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor pada 1 hingga 3 Jun 2015.

Sambutan Jubli Emas Darul Quran Menjana Generasi al-Quran, Darul Quran & Bahagian Penerbitan Jakim, 2016

Siti Intan Dahlia Mohammad Harun(2011) **Perkembangan Ilmu Qiraat Di Malaysia Dan Keperluannya Di Institusi Pengajian Tinggi**, Kertas kerja Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan 2011, “Al-Quran, Qiraat dan Masyarakat: Pendedahan, Pemahaman dan Penyelesaian” pada 19-20 November 2011 di Auditorium Utama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak yang dianjurkan Persatuan Mahasiswa Ilmu Wahyu dan Warisan Islam dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Solahuddin bin Ismail PhD, (2016) **Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran**, Pusat Pengajian Kerajaan Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian

Antarabangsa Universiti Utara Malaysia Kertas kerja **Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran** anjuran Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor pada 23-24 November 2016.

Ustaz Abdul Hafiz bin Haji Abdullah, Prof. Madya Ajmain bin Safar, Ustaz Mohd Ismail bin Mustari, Ustaz Azhar bin Muhammad, Ustaz Idris bin Ismail (2003), **Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz** Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial, UTM, Skudai, Johor Disember 2003, **Universiti Teknologi Malaysia 2003**

Wan Muhammad A. Aziz 2003, *Pengurusan Ma'ahad Tahfiz al-Quran; Pengalaman Darul Quran*, **Jurnal Darul Quran**, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), bil.3, Jun 1997.

Zainora Binti Daud, Rosfazila Binti Abd Rahman, **Pengajian Tahfiz di kalangan kanak-kanak dan Remaja di Masjid Negara: Satu Sorotan Kajian**. Akademi Islam, KUIS.

Zainora binti Daud, Mustaffa Abdullah, Norsaleha bte Mohd Salleh, **Pembelajaran Kurikulum Qiraat: Satu Kajian terhadap Persepsi Pelajar Syukbah Qiraat di DQ dan MTQN**, *The E-Journal Of Sultan Alauddin Sulaiman Shah* , Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

Laman sesawang

<http://www.darulquran.gov.my/>

<http://www2.mqa.gov.my/mqr>.

<http://www.mqa.gov.my>